

**Abdul Khalid Terima Keputusan Pemecatan Beliau
Bernama
August 9, 2014**

SHAH ALAM, 9 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata beliau menerima keputusan Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang memecatnya daripada parti walaupun beliau mendakwa tindakan itu salah dan cacat dari segi undang-undang.

Beliau berkata seperti yang dinyatakan menerusi maklum balas terhadap surat tunjuk sebab terhadapnya, pihak parti keliru dengan butir-butir pertuduhan yang mahu dikenakan terhadapnya.

Malah, katanya, Pengerusi Lembaga Disiplin PKR Datuk Dr Tan Kee Kwong gagal menyatakan secara khusus peruntukan mana di dalam perlembagaan parti yang telah beliau cabuli.

"Saya juga ingin menyatakan walaupun saya telah memohon penangguhan sesi penjelasan kepada Lembaga Disiplin dengan mencadangkan tarikh 15 Ogos ini sebagai tarikh yang sesuai tetapi tiada jawapan balas diberikan. Sebaliknya, Lembaga Disiplin tetap meneruskan pendengaran tanpa terlebih dahulu mendengar penjelasan daripada saya.

"Saya tidak diberi peluang dan proses yang adil untuk menjawab semua tuduhan terhadap saya mengikut tatacara yang teratur dan adil. Saya percaya ada tindakan sabotaj daripada pihak tertinggi parti," katanya dalam satu kenyataan susulan pemecatan itu.

Sehubungan itu, Abdul Khalid berkata beliau akan menghadap Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah untuk memaklumkan kepada baginda perkembangan terbaharu itu dan seterusnya mendengar pandangan baginda yang boleh dikongsi.

Abdul Khalid berkata sehingga isu ini diselesaikan mengikut prosedur yang betul dan mengikut peruntukan undang-undang yang termaktub dalam Undang-undang Tubuh Negeri, beliau akan meneruskan khidmat terbaik kepada rakyat sebagai menteri besar mengikut kemampuannya.

"Terima kasih kepada semua yang menyokong saya dalam menempuh masa-masa yang sukar ini," katanya.

Ketika mengumumkan keputusan Majlis Pimpinan Pusat (MPP) di Petaling Jaya hari ini, Tan berkata keputusan sebulat suara itu dibuat berdasarkan tindakan Abdul Khalid mengingkari arahan parti untuk meletakkan jawatan bagi memberi laluan kepada Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail untuk menjadi Menteri Besar Selangor yang baharu.

Tan berkata selain itu, Abdul Khalid yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Pelabuhan Klang juga telah ingkar beberapa keputusan yang dibuat Majlis Presiden Pakatan Rakyat, termasuklah menangguhkan proses dan perbincangan projek Langat 2 serta kenaikan elaun Speaker, Menteri Besar, Exco dan ADUN Selangor.

Abdul Khalid menyertai PKR pada 2007.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1059158>